

TPM gembira reaksi positif pasaran saham

UM 2 JUL 2002

KUALA LUMPUR 1 Julai — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi gembira dengan reaksi positif yang ditunjukkan oleh pasaran saham terhadap pelan peralihan kuasa yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini.

Beliau percaya penerimaan baik pelan yang digariskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu membuktikan keyakinan tinggi pelabur kepada pengurusan ekonomi negara.

"Saya amat gembira. Ia membuktikan bahawa apa yang dalam fikiran Dr. Mahathir telah diterima

baik oleh rakyat Malaysia dan sektor swasta. Reaksi pasaran juga amat menggalakkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan e-Kerajaan Malaysia 2002 di sini, hari ini.

Abdullah diminta mengulas tentang reaksi positif yang ditunjukkan oleh pasaran terhadap penguasaan pelan peralihan kuasa pucuk pimpinan negara yang akan berlaku dalam tempoh 16 bulan itu.

Pada Perhimpunan Agung UMNO 22 Jun lalu, Dr. Mahathir membuat kejutan dalam ucapan

penggulangannya apabila mengumumkan peletakan semua jawatan dalam UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Walaupun menarik balik keputusan sejam kemudian, Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang bermesyuarat Selasa lepas mengumumkan pelan peralihan kuasa yang telah dipersetujui akan berlaku pada Oktober 2003.

Sementara itu, mengulas skandal melibatkan syarikat-syarikat terkemuka di Amerika Syarikat yang pernah menjaja tentang tadbir urus korporat, Abdullah mengaitkannya dengan perumpamaan

'mengata dulang paku serpih, mengata orang awak yang lebih'.

"Tadbir urus korporat merupakan isu yang sangat penting kerana jika tidak diberi perhatian, bukan sahaja akan menjejaskan kedudukan syarikat berkenaan di pasaran saham, tetapi juga syarikat-syarikat lain," katanya.

Justeru beliau menegaskan tadbir urus korporat perlu diberi keutamaan yang tinggi bagi mengelak masalah seperti di Amerika Syarikat, berlaku di negara ini.